



UCAPAN

YANG BERBAHAGIA

TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF

PENGERUSI

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)

SEMPENA

PROGRAM WACANA KERJAYA BERSAMA

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)

ANJURAN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI MALAYA (UM)

4 OGOS 2021 (RABU) - 9.00 PAGI

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis



**“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi
Maha Penyayang”**

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Encik Md Radzi bin Hashim

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Yang Berusaha Profesor Madya

Dr. Mohd Fauzi bin Hamat

Pemangku Pengarah

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Yang Berusaha Profesor Madya

Dr. Faisal bin Ahmad Shah

Timbalan Pengarah Ijazah Dasar

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Yang dihormati barisan pensyarah

Seterusnya

Mahasiswa dan Mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan

Universiti Malaya serta hadirin yang dikasihi sekalian

KALIMAT PEMBUKA

(Pantun)

***Indah Nian Sarang Tempua,
Asal Jerami Dilipat-Lipat;
Apa Khabar Hadirin Semua,
Mendoakan Semoga Sihat Walafiat.***

Insya-Allah...

- 1. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurniannya, kita dapat bersama-sama dalam Program Wacana Kerjaya Bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).**
- 2. Terima kasih diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan khususnya mahasiswa dan mahasiswi Akademi Pengajian Islam, UM yang dapat menghadiri program wacana ini. Untuk makluman, sebentar lagi YBr. Encik Md Radzi bin Hashim, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan menyampaikan taklimat persediaan temu duga. Saya berharap sesi berkenaan akan dapat memberi**

sedikit gambaran kepada bakal graduan akademi ini akan persediaan menghadapi temu duga sekiranya berjaya dipanggil oleh SPP kelak.

- 3. Untuk makluman semua, taklimat seumpama ini merupakan program berkala SPP yang telah dimulakan sejak 2018 yang bertujuan memberi peluang kepada pihak pengurusan Universiti bertemu, berbincang dan mengutarakan persoalan atau permasalahan berkaitan dengan pengambilan graduan pendidikan lepasan Universiti Awam (UA).**

- 4. Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Akademi Pengajian Islam, UM kerana mengambil inisiatif untuk mengundang SPP memberi taklimat persediaan temu duga kepada bakal graduan akademi ini. Langkah ini menjadikan UM antara Universiti Awam yang proaktif dalam memastikan bakal graduan bidang pendidikan yang akan memasuki alam pekerjaan dapat bersedia apabila berhadapan dengan panel temu duga kelak khususnya yang berhasrat menjadi warga pendidik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selain**

itu, usaha ini juga merupakan hasrat SPP dalam merakyatkan fungsi-fungsi Suruhanjaya ini supaya dapat dikenali dan difahami oleh orang awam terutama para graduan yang berminat menjadikan Sektor Pendidikan Kerajaan sebagai kerjaya mereka.

- 5. Saya juga ingin mengambil kesempatan sekali ini untuk memperkenalkan serba sedikit mengenai SPP yang merupakan Pihak Berkuasa Melantik kepada Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang pada masa ini berjumlah lebih daripada 400 ribu orang. SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 atas syor Laporan Suruhanjaya Diraja Aziz mengikut Fasal 1 Perkara 141A, Perlembagaan Persekutuan yang berfungsi dalam urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat Ketua Pengarah Perkhidmatan Pelajaran dan kawalan tata tertib. SPP yang terletak terus di bawah YAB Perdana Menteri dan bertanggungjawab ke atas Jabatan Perdana Menteri dapat saya simpulkan satu-satu agensi yang mempunyai kuasa *Hire and Fire* bagi APP.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Berdepan dengan situasi semasa, isu berhubung panggilan temu duga dan pengambilan APP sering menjadi perdebatan. Terus terang saya katakan, walaupun seseorang graduan yang mempunyai ikhtisas dalam pendidikan tidak semestinya akan menjawat jawatan dalam perkhidmatan pendidikan. Ini kerana dengan faktor lebih penawaran, bakal graduan Universiti Awam (UA) juga akan bersaing dengan graduan pasaran terbuka. Justeru, sesi taklimat ini bukanlah pemutus bahawa graduan akademi ini akan terus mendapat tempat dalam perkhidmatan pendidikan tapi lebih kepada persediaan sebagai calon temu duga agar mempunyai pakej lengkap. Melalui sesi ini, graduan akademi ini akan mempunyai kelebihan berbanding dengan graduan-graduan dari Universiti Awam yang lain sekiranya berhadapan dengan Panel Temu duga kelak.

7. Saya percaya, taklimat yang akan disampaikan sebentar nanti dapat memberikan sedikit gambaran tentang persaingan dan keadaan sebenar yang bakal dihadapi

para graduan di dalam bilik temu duga. Apa yang penting, suka untuk saya ingatkan para graduan agar perkemaskan keterampilan diri dan sikap, dalam pengetahuan am, isu semasa pendidikan. Graduan juga perlu sentiasa tingkatkan keupayaan berfikir, kemahiran berkomunikasi dan pengetahuan bidang tugas serta ikhtisas supaya setiap seorang daripada anda semua akan diperakukan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) atau Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT).

- 8. Sesi temu duga yang akan dilalui oleh para graduan akademi ini nanti merupakan langkah pertama sebelum diterima masuk menjadi warga pendidik lantikan tetap yang akan berkhidmat secara purata 30 tahun dalam Sektor Pendidikan. Suasana ini sangat berbeza jika dibandingkan semasa para graduan terlibat dengan praktikal khususnya ditahun akhir. Oleh itu, saya sarankan supaya lengkapkan diri anda dari aspek mental dan fizikal sebaik sahaja berjaya dan ditempatkan oleh KPM di mana-mana sekolah di seluruh negara. Ingin saya tegaskan, tugas pendidik adalah tugas mulia dan ia**

menjadi mudah dilaksanakan jika graduan menghayati dan menjiwai (*passion*) kerjaya tersebut. Insyallah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

- 9. Pelaksanaan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula awal tahun 2020 oleh Kerajaan sedikit sebanyak telah menjejaskan urusan pengambilan terutamanya urusan temu duga yang tradisinya dilaksanakan secara bersemuka. Justeru, bertitik tolak daripada itu, SPP telah memperkenalkan dan menggunakan kaedah baharu iaitu temu duga secara rakaman dan persidangan video bagi memastikan urusan pengambilan terus dapat dilaksanakan walaupun dalam tempoh yang sukar ini.**

- 10. Kaedah baharu ini amat membantu SPP dan dalam masa yang sama dapat mengelakkan penularan COVID-19 di mana calon-calon tidak perlu hadir dan berkumpul di sesuatu tempat serta tiada pertemuan secara fizikal berlangsung.**

11. Untuk rekod, bagi sepanjang tahun 2020, seramai 19,563 orang calon pelbagai jawatan telah melalui kaedah temu duga baharu ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,251 orang telah dilantik ke perkhidmatan pendidikan termasuk 2,998 orang untuk jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (PPP DG41).

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Melihat situasi semasa dengan pandemik COVID-19 masih menular semestinya memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan SPP. Mana tidaknya, pelbagai perancangan yang telah dibuat terpaksa diubah dan ditangguhkan bagi mematuhi peraturan-peraturan semasa yang di ditetapkan oleh Kerajaan. Namun, SPP tetap berusaha memastikan bekalan sumber manusia dapat terus dibekalkan kepada agensi-agensi yang berkenaan agar kekosongan jawatan dapat diisi.

13. Sehingga akhir Julai 2021, SPP telah melaksanakan beberapa urusan pengambilan pelbagai jawatan termasuk pengambilan PPP DG41 seramai 1,986 daripada calon

universiti awam dan 145 orang Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41 (PPPT DH41).

14. Terkini, SPP sedang memproses permohonan Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Secara One-Off bagi Tahun 2021 yang telah diiklankan pada 7 Julai hingga 21 Julai yang lepas. Sebanyak 40,000 permohonan telah diterima daripada graduan dan bakal graduan pendidikan dan ini melebihi jangkauan SPP. Saya percaya ada dalam kalangan peserta taklimat hari ini yang turut memohon dan saya ucapkan selamat berjaya. Pesanan saya, hayatilah taklimat yang akan disampaikan untuk persediaan dan persiapan menghadapi sesi temu duga yang akan diadakan kelak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Saya berharap inisiatif yang diambil oleh UM ini akan berterusan di tahun-tahun mendatang dan menjadi ikutan Universiti Awam lain dalam usaha mempersiapkan graduan fakulti pendidikan untuk menjadi calon yang lebih kompeten apabila dipanggil sebagai calon temu

duga kelak. Taklimat yang akan diberikan sebentar lagi seharusnya diamati agar anda semua benar-benar bersedia semasa temu duga seterusnya berjaya dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. Harus diingat ilmu yang ditimba semasa sepanjang sesi pengajian perlu seimbang dengan *soft skills* agar PPP atau PPPT yang memasuki perkhidmatan benar-benar layak dan berkualiti, seterusnya dapat menyumbang ke arah kemenjadian murid dan pelajar di sekolah-sekolah mahupun di institusi-institusi pendidikan yang lain.

16. Akhir kata saya dengan ini mempersilakan YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP untuk meneruskan Program Wacana Kerjaya ini. Silakan.

Sekian, terima kasih.